

19 FEB 1998

Mahathir-Masalah

AKUI KEWUJUDAN MASALAH UNTUK TANGANINYA, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati rakyat dan pemimpin negara ini agar mempunyai sikap sedia mengakui kewujudan sesuatu masalah supaya ia dapat ditangani dengan segera dan cekap.

Beliau berkata hanya selepas mengakui kewujudan masalah itu, seseorang akan mula belajar mengenalinya dan akan mencari jalan menyelesaikannya, dan bukannya menidakkan masalah itu kerana semua masalah atau cabaran adalah untuk diselesaikan.

"Sesetengah orang berkata kalau ada masalah biarkan sahaja, lambat-laun masalah itu hilang. Tetapi ini tidak benar kerana masalah tidak akan pergi, yang pergi kitalah," katanya ketika melancarkan Institut Kemajuan Ekonomi Anak Negeri (INDEP) dan laman internet institusi itu di sini.

Penubuhan INDEP yang diilhamkan oleh Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri, Tan Sri Bernard Dompok dan bekas Menteri Kehakiman Datuk Dr James Ongkili, antara lain bertujuan membantu memajukan ekonomi Bumiputera Sabah.

Dr Mahathir pada majlis itu juga berkata kerajaan dan rakyat bukan sahaja perlu sedia mengakui sesuatu masalah itu tetapi juga perlu menerima hakikat yang ada bagi membolehkan masalah berkenaan diselesaikan dengan betul.

Perdana Menteri juga menasihatkan kaum Bumiputera terutama di Sabah yang masih jauh ketinggalan dalam bidang perniagaan, agar mengubah cara mereka mengusahakan sumber yang ada pada mereka.

"Jika kita hendak seperti kaum yang lain (yang maju) kita mesti tukar cara bekerja. Kita cantumkan ladang-ladang kecil jadi ladang besar, kita wujudkan pengurusan yang baik malah kita boleh adakan satu industri.

"Kalau kita terus tanam padi satu demi satu dengan jari, sampai bila pun kita miskin. Begitu juga kalau kita pergi tangkap ikan hanya sehingga tengah hari," katanya lagi.

Dr Mahathir berkata beliau sering menerima rungutan Bumiputera tidak maju seperti kaum lain tetapi di kalangan Bumiputera sendiri ada yang tidak sedar bahawa cara mereka bekerja tidak akan menjadikan mereka kaya atau maju.

Dalam hal ini, organisasi seperti INDEP, hanya boleh membantu atau memudah cara tetapi yang menjadi penentu ialah Bumiputera sendiri, katanya.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke sini juga berkata golongan Bumiputera perlu terus menimba ilmu, rajin dan berdisiplin jika mahu melihat generasi mereka maju setanding dengan kaum-kaum lain atau setanding dengan Bumiputera yang sudah maju.

"Disiplin di sini bermakna melawan tabiat semula jadi kita, seperti melawan tabiat tidur. Bagaimana seseorang itu boleh menjadi kaya kalau asyik tidur?" tanya beliau. Jika seseorang itu sanggup melawan tabiat buruk semula jadinya maka lebih besar kemungkinan dia akan berjaya, katanya.

"Saya harap akan ada orientasi pemikiran Bumiputera kerana mestilah ada sebab kenapa Bumiputera ketinggalan. Halangan tentu ada tetapi kita boleh berjaya," kata Dr Mahathir lagi.

Lebih 3,000 orang hadir pada majlis pelancaran INDEP itu yang turut dihadiri Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Hassan Alban Sandukong, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Chong Kah Kiat dan anggota Kabinet negeri.

-- BERNAMA  
KG NMO